

SULIT



UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2013/2014**

NAMA KURSUS : KESELAMATAN DAN
KESIHATAN PEKERJAAN

KOD KURSUS : BBP 20202

PROGRAM : 1 BBB/ 1 BBC/ 1 BBE/ 1 BBD /
1 BBF

TARIKH PEPERIKSAAN : DISEMBER 2013/JANUARI 2014

MASA : 2 JAM

ARAHAN : JAWAB EMPAT (4) SOALAN

KERTAS SOALANINI MENGANDUNGI LIMA (5) MUKA SURAT

SULIT

- S1 (a) Senaraikan tiga (3) akta-akta berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang masih digunakan di Malaysia. (3 markah)
- (b) Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) merupakan jabatan yang menjadi sekretariat kepada Majlis Negara Bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.
Nyatakan dan terangkan empat (4) tugas utama yang lain bagi jabatan ini. (8 markah)
- (c) Akta Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan 1994 (AKKP 1994) merupakan akta utama berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Malaysia telah dikuatkuasakan penggunaannya sejak tahun 1994. Terdapat lima belas bahagian utama yang terkandung dalam AKKP 1994.
Nyatakan dan jelaskan apakah kepentingan dan keperluan penguatkuasaan akta tersebut. (14 markah)
- S2 (a) Nyatakan apakah yang dimaksudkan dengan *Hazard Identification, Risk Assessment and Risk Control (HIRARC)*. (3 markah)
- (b) Nyatakan dan terangkan lima (5) langkah dalam proses pengurusan risiko. (10 markah)
- (c) Rajah S2(C) menunjukkan *HIRARC Form* bagi satu senario proses kerja pemotongan panel kayu. Huraikan dengan jelas apakah yang dapat dilihat daripada proses kerja tersebut daripada sudut *HIRARC*. (12 markah)

PEPERIKSAAN AKHIR

SEMESTER/SESI: SEM I / 2013/2014

PROGRAM : SMPV

NAMA KURSUS : KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

KOD KURSUS: BBP20202

Scenario 1: Wood panel cutting process

A team of two workers operates a cross-cut saw machine. Their work includes loading wood panel onto the machine, cutting the wood and unloading the cut wood. They also need to repair and maintain the machine regularly as well as to change the blades of the machine. (Caution: This example may not be applicable to similar work in your workplace).

HIRARC FORM

Company:	2F Furniture Entp	Conducted by: (Name, designation)	Mr. S (Supervisor), Miss M & Mr. L (Operator)
Process / Location:	Wood cutting/Panel Sect.		24 Jun 2007 to 28 July 2007
Approved by: (Name, designation)	Mr. K (Manager)	Date: (from... to ...)	
Date:	25 Julai 2007	Review Date:	1. _____ 2. _____

1. Hazard Identification			2. Risk Analysis				3. Risk Control		
No.	Work Activity	Hazard	Which can cause/effect	Existing Risk Control (if any)	Likelihood	Severity	Risk	Recommended Control Measures	PIC (Due date/ status)
1	Loading the machine with wood	Cutting blades	Cuts / first aid type injury	Safe work practice	4	1	4 (Low)	Use leather hand glove	Andy (26 July 2007) / completed
2	Operating the machine	Unguarded machine	Hand get caught into rotating parts / amputation	Safe work practice, daily pre-use check and regular maintenance	4	3	12 (Medium)	To Fix L-guard	Chia (26 Ogos 2007) / in progress
		Flying fragments	Serious cuts & eye injuries by flying fragments of blades that break during cutting	Warning signs; Training, Safety goggles	4	3	12 (Medium)	Use stronger blades; To Fix L-guard Install	Mutu (26 Ogos 2007) / completed
3	Unloading cut wood	Heavy load	Muscular strain / back pain	Manual lifting procedure	3	1	3 (Low)	Use mechanical lifter	Ali (20 Ogos 2007) /
4	Repair and maintenance of the machine	Unguarded machine; unsafe work practise	Serious cuts from blade & getting caught in rotating parts if machine is accidentally started	Cover 'on button' Safe work practice	4	4	16 (High)	To make delay start button	Ahmad (18 Ogos 2007) / completed

RAJAH S2(C)

- S3** (a) Senarai dan terangkan tiga (3) jenis kecederaan fizikal yang disebabkan oleh kerja- kerja mekanikal. (6 markah)
- (b) Kecederaan dan kemalangan di tempat kerja akan menyebabkan kerugian wang ringgit dan peningkatan kos sesebuah organisasi. Beri dan terangkan satu contoh situasi kemalangan di tempat kerja dan perkaitan dengan kos-kos yang terlibat. (8 markah)
- (c) Syarikat ABC (M) Bhd ialah sebuah kilang kimia. Dalam proses susun atur bahan mentah kimia oleh En.Ramu dengan mesin angkut susun (*forklift*); susunan tong kimia telah terjatuh dan tumpah mengalir pada laluan pejalan kaki kilang. Tumpahan merebak ke kawasan dalam pembinaan kilang di mana kerja kimpalan sedang dijalankan. Percikan api yang terkena pada tumpahan menyebabkan kebakaran pada hampir keseluruhan premis kilang. En. Ali juruteknik kilang cedera melecur sewaktu cuba menyelamatkan diri kawasan kebakaran. Pn.Nita kerani pejabat pengsan akibat asap dan terjatuh akibat panik. En.Roman pekerja pembersihan asing yang cuba membantu merawat luka melecur En.Ali telah tersalah menggunakan ubat dan menyebabkan luka En.Ali bertambah teruk.
Berdasarkan situasi di atas, selaku pegawai keselamatan dan kesihatan pekerjaan syarikat rumuskan masalah yang menjurus kepada keselamatan dan kesihatan serta cara-cara menyelesaiannya. (11 markah)
- S4** (a) Senarai empat jenis bahaya di tempat kerja yang perlu anda tahu demi kesihatan dan keselamatan di tempat kerja. (4 markah)
- (b) Huraikan beserta contoh dua daripada bahaya-bahaya pada soalan (a) tersebut. (10 markah)
- (c) Semasa bertugas mengendalikan bahan-bahan dan peralatan di tempat kerja. Huraikan langkah-langkah keselamatan secara berperingkat-peringkat yang anda harus ambil untuk menjaga kesihatan seluruh warga pekerja di tempat tersebut. (11 markah)

- S5** (a) Senarai dan terangkan jenis-jenis saksi dalam sistem penyiasatan kemalangan pekerjaan. (6 markah)
- (b) Hampir 50% maklumat penyiasatan diperolehi dari saksi melalui kaedah soalsiasat. Namun bagi mendapatkan maklumat yang sahih dan tepat tanpa pengaruh luar, soalsiasat ke atas saksi perlu dilakukan dengan mengambil kira beberapa perkara. Senarai dan terangkan perkara-perkara yang tersebut. (8 markah)
- (c) Lukis dan terangkan carta alir urutan proses bagi pemberitahuan, penyiasatan dan pelaporan kemalangan di tempat kerja. (11 markah)
- S6** (a) Terangkan apakah yang dimaksudkan dengan 5S. (5 markah)
- (b) Terangkan hubungan kebersihan dengan produktiviti kerja. (8 markah)
- (c) Huraikan hubungan dan kepentingan 5S kepada keselamatan dan kesihatan pekerjaan di sesuatu tempat kerja. (12 markah)

-SOALAN TAMAT-